

Latihan amali ikut bulan

4

Bagi pelajar bidang komunikasi di UiTM

3

Bagi pelajar komunikasi, pendidikan di UUM

2

Bagi pelajar bidang pengurusan di UUM

# Latihan amali universiti awam dilanjut 6 bulan

Oleh Ismail Mat  
dan Akmal Ilham

**J**ELI: Tempoh latihan amali pelajar universiti awam dilanjutkan sehingga enam bulan bagi membolehkan mereka mendapat pendedahan dan menimba lebih banyak pengalaman bekerja.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata tempoh latihan sehingga empat bulan sekarang tidak memadai untuk majikan merancang program berkesan kepada pelajar yang menjalani latihan amali.

Katanya, kajian mengenai tempoh latihan enam bulan itu sedang di-

lakukan untuk bidang teknologi maklumat, keusahawanan dan bidang kemahiran sederhana.

"Ia akan memberi masa kepada majikan merancang program bagi memberi pengalaman mendalam kepada pelajar ketika menjalani latihan di sesebuah institusi atau syarikat.

"Tempoh 12 minggu ketika ini ada kalanya hanya membolehkan pelajar sekadar membantu kerja seperti membuat salinan fotostat dan surat menyurat," katanya selepas merasmikan Program Jiwa Murni yang disertai 600 anggota Palapes Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini semalam.

Turut hadir ialah Naib Canselor UiTM selaku Komandan Palapes UiTM, Kol Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Bahah, Abdul Aziz Derashid.

Tempoh latihan amali pelajar universiti awam sekarang ialah antara sebulan hingga empat bulan bergantung kepada bidang pengajian yang mereka ikuti.

UiTM misalnya mewajibkan latihan amali empat bulan bagi pengajian bidang komunikasi, manakala untuk kursus tertentu seperti Ijazah Sarjana Muda Sains Ukur dan Geomatik, sains pelajar diminta menyiapkan laporan tesis.

Di Universiti Utara Malaysia (UUM) pula, pelajar bidang pengurusan menjalani latihan amali selama dua bulan, komunikasi dan pendidikan masing-masing tiga bulan dan perakaunan empat bulan.

Mustapa berkata, bagi memanjangkan tempoh latihan amali, universiti awam memerlukan pensyarah yang mencukupi bagi memastikan tempoh pengajian tiga tahun tidak terjejas.

Beliau juga berkata, isu penganguran yang masih dihadapi siswazah sekarang tidak harus melahirkan persepsi negatif terhadap universiti awam.

"Peluang melanjutkan pelajaran

di universiti adalah untuk mendapat ilmu. Memang kita akui, masih ada siswazah menganggur, namun purata pelajar mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian adalah 60 peratus.

"Bagi pelajar UiTM, kadarnya mencapai 64 peratus yang menunjukkan majikan cenderung terhadap lepasan UiTM. Kegiatan kokurikulum seperti Palapes membantu pelajar membina sahsiah diri.

"Ini penting kerana antara isu yang dibangkitkan majikan ialah pelajar yang peribadinya kurang mantap, kurang kemampuan berkomunikasi dan kepemimpinan yang lemah," katanya.